

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	KL storm causes havoc	New Straits Times
2	Apabila tibanya Monsun Timur Laut	Bernamea.com
3	Industri keselamatan siber makin kukuh	Harian Metro
4	Galak pelajar luar Bandar tunjuk bakat inovasi	Barita Harian
5	Muslim world has much to offer, says PM	The Star

KL storm causes havoc

GRIDLOCK: Uprooted trees, flash floods lead to traffic snarls

**THARANYA ARUMUGAM
AND HARIZ MOHD**

KUALA LUMPUR
tharanya@nst.com.my

A THUNDERSTORM and heavy rain caused gridlock in the Klang Valley, with massive traffic jams reported in main roads and highways.

Several cars were damaged when trees were uprooted while thousands of road users were trapped because of flash floods.

Plus Malaysia Berhad on its twitter, @Plushotline, said traffic was unusually congested.

The Malaysian Highway Authority (LLM), @LLMinfortrafik, reported a flash flood on the Besraya Highway between Km8.7 and Km9 (Sungai Besi towards Kampung Malaysia), causing a traffic snarl in the highway. An LLM official, when contacted at 8pm yesterday, described the weather as "terrifying".

Several accidents were reported in the North-South Expressway and the South Klang Valley Expressway (SKVE).

At SKVE near Km1, an accident involving a trailer and a car was reported at 3pm.

Strong winds also caused trees to be uprooted in Bandar Tun Razak and Jalan Sri Permaisuri Cheras, leading to traffic snarls.

Bandar Tun Razak fire station officer Ramli Omar said three cars were damaged when several trees fell at the Kasturi apartment.

A City Hall officer said six reports of falling trees in Jalan Bintang, Jalan Berangan, Taman Salak Jaya, Taman Gembira in OUG and Taman Kuchai Lama were received and had been acted upon.

Among the affected roads were Sungai Besi heading towards University Putra Malaysia (UPM) at North-South Expressway, Bukit Jalil towards MRR2 (Middle Ring Road) at Maju Expressway (MEX) and Bangsar towards Pantai Dalam at the New Pantai Expressway (NPE).

At the Sprint Expressway, the routes affected included Kerinchi towards the Federal Highway, Section 17 towards NKVE and Pusat Sains Negara towards Sri Hartamas.

At the Damansara-Puchong Expressway, some of the affected routes were Puchong Industry towards Puchong Intan, Motorola towards Puchong Jaya, Taman Megah to-



A car wrecked by an uprooted tree in the thunderstorm in Kuala Lumpur yesterday.

wards Federal Highway, Jalan Majlis towards Damansara Utama and Bandar Utama towards Taman Tun Dr Ismail.

Malaysian Meteorological Department assistant director Mohd Arif Adenan said "isolated thunderstorm" in "inter-monsoon season" was expected to occur today in the affected areas from 3pm to 6pm.

He urged the public to avoid travelling during thunderstorms or travel via a different route in case of emergencies.

"About 60 per cent of the area in the Klang Valley is affected by downpours at a time, thus, causing massive traffic jams in the area.

"This inter-monsoon season is expected to end in the middle of next month and the public can expect better weather thereafter," he told the *New Straits Times*.

Road users can visit the department's portal at <http://www.met.gov.my/> for updates on the weather.



Apabila Tibanya Monsun Timur Laut

Oleh Kurniawati Kamarudin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Angin Monsun Timur Laut, yang tiba pada November ini menggantikan angin Barat Daya yang berakhir pada September, memberi petanda semakin dekatnya musim tengkujuh.

Peralihan angin yang sedang berlaku turut dirasai tempiasnya terutama di negeri-negeri pantai barat yang menerima hujan yang agak lebat hingga menyebabkan banjir kilat mudah berlaku.

Di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Perak sudah mula terasa kedinginannya apabila hampir setiap hari hujan membasahi bumi.

Walaupun bukan fenomena luar biasa, namun kedatangan angin Monsun Timur Laut yang membawa hujan lewat dan berpanjangan dalam tempoh lima bulan bermula November hingga Mac setiap tahun tetap menimbulkan kebimbangan.

Kesan yang paling dirasai tentunya di negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang serta sebahagian daerah di Johor. Ia akan turut dialami di bahagian pantai Sabah dan Sarawak.

Menjadi tanda tanya adakah angin Monsun Timur Laut yang bakal tiba ini akan membawa taburan hujan yang melebihi daripada jumlah normal hingga boleh menyebabkan banjir besar.

KESAN ANGIN MONSUN TIMUR LAUT

Kebimbangan yang sentiasa berlegar itu boleh dikurangkan dengan adanya ramalan cuaca bagi membolehkan persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan di kawasan-kawasan yang berisiko.

Menjangkakan cuaca yang bakal berlaku memerlukan ramalan yang tepat. Tinjauan cuaca yang tepat dapat membantu dalam mengurangkan kesan bencana banjir terhadap sosio-ekonomi negara.

Perancangan Strategik Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) untuk 2012-2015 melaporkan anggaran keuntungan dari segi ekonomi hasil daripada ketepatan maklumat dan ramalan iklim berkaitan dengan fenomena El-Nino iaitu dalam sektor pertanian sahaja mencecah antara USD450 juta hingga USD550 juta setahun.

Sementara itu, kehilangan ribuan nyawa akibat bencana alam dapat dikurangkan dengan ketara sekali.

Sejak tahun 1920, Malaysia mengalami beberapa kejadian banjir besar seperti tahun 1926, 1963, 1965, 1967, 1969, 1971, 1973, 1979, 1983, 1988, 1993, 1998, 2005, 2006, 2007 dan terkini tahun 2011.

Antara tahun-tahun yang mencatatkan kemusnahan dan kerugian terbesar ialah Kuala Lumpur dan beberapa negeri lain pada tahun 1971 telah membawa kepada kerugian dan kemusnahan yang besar berjumlah RM200 juta dan melibatkan kematian 61 orang.

Begitu juga dengan kejadian bencana banjir di Johor pada tahun 2006-2007, yang mengakibatkan kerugian lebih RM1.5 bilion, satu kerugian terbesar dalam sejarah negara akibat banjir.

Ia juga membawa kepada kemusnahan kepada infrastruktur, jambatan, jalan raya, tanaman pertanian, perniagaan dan harta penduduk yang terlibat.

Manakala 110,000 orang dipindahkan ke pusat perpindahan banjir dan jumlah kematian seramai 18 orang, kata [Pengarah Pusat Ramalan Cuaca, Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah.](#)

PENTINGNYA RAMALAN YANG TEPAT

Mencari ketepatan pada ramalan cuaca yang bakal berlaku banyak bergantung kepada keadaan semasa seperti pengaruh fenomena El-Nino dan La-Nina. Fenomena El-Nino menyebabkan Malaysia mengalami keadaan cuaca yang lebih kering terutama di Sabah dan utara Sarawak, manakala La-Nina menyebabkan Malaysia mengalami cuaca yang lebih lembab.

Pada tahun ini, kesan daripada kedua-dua fenomena itu agak 'natural' dan minimum serta tidak memberi kesan yang besar kepada kedatangan angin Monsun Timur Laut.

Muhammad Helmi menjangkakan angin Monsun Timur Laut yang bakal tiba adalah normal dengan kebanyakan kawasan membawa taburan hujan dalam keadaan jumlah purata yang sama.

"Tidak ada taburan hujan yang tertinggi, sebaliknya taburan hujan adalah dalam purata yang sama ketika datangnya Monsun Timur Laut iaitu tidak melebihi 500mm," katanya kepada Bernama di sini.

Banjir yang biasanya berlaku ketika musim angin Monsun Timur Laut disebabkan beberapa faktor seperti air pasang surut, luruan ribut, paras air laut yang lebih tinggi dan angin kencang.

"Boleh juga dilihat ketika banjir terjadi, kedudukan bulan yang ketika itu sangat hampir dengan bumi dan ketika bulan mengambang atau apabila memasuki bulan baru.

"Namun kerana purata hujan yang turun pada tahun ini dijangka dalam purata yang biasa, jadi kemungkinan banjir ketika monsun adalah banjir biasa yang sering berlaku hampir setiap tahun dan bukan yang luar biasa seperti yang pernah terjadi di Johor pada tahun 2006/2007," katanya.

JANGKAAN HUJAN

Sebanyak empat hingga lima episod hujan dijangka berlaku semasa Monsun Timur Laut kali ini dan hujan dijangka mula turun pada minggu kedua November dan berakhir pada minggu ketiga Mac 2014.

Dijangkakan episod hujan lebat pertama berlaku sekitar minggu ketiga November, katanya.

Ini berlaku disebabkan pada bulan November, Disember dan Januari kawasan tekanan udara rendah dan "vorteks siklon" wujud berhampiran kawasan Khatulistiwa. Ketika itu udara bertekanan tinggi meluru dari benua Rusia dan China apabila atmosfera sesuai.

Ini menyebabkan angin kencang berlaku di Laut China Selatan serentak dengan angin kencang dari laut Pasifik Barat.

Kedua-dua angin akan bertumpu di kawasan tekanan rendah berhampiran semenanjung Malaysia.

"Ini menyebabkan awan dengan hujan lebat yang menyeluruh dan ombak besar berlaku khususnya di Pantai Timur Semenanjung," ujarnya.

Selepas itu, ia akan beralih ke Sabah dan Sarawak sekitar bulan Januari hingga Mac tahun hadapan.

Ujarnya perincian kedatangan hujan hanya boleh dilakukan beberapa hari sebelum hujan lebat turun dan pihaknya akan sentiasa mengeluarkan nasihat serta amaran terutama untuk mereka yang berisiko.

Amaran peringkat kuning, jingga dan merah akan dikeluarkan agar orang ramai dan pihak berkuasa lebih peka dan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Biasanya nasihat dan amaran akan dikeluarkan empat atau lima hari sebelum hujan lebat dijangka turun terutama untuk nelayan-nelayan di laut," katanya dan menambah bahawa ketepatan ramalan yang dilakukan oleh pihaknya melebihi 80 peratus.

Sebanyak 13 radar jenis "doppler" yang setaraf dengan negara maju seperti Korea dan Jepun digunakan untuk mendapatkan ketepatan ramalan selain menggunakan kaedah setelit diratusan stesen pencerapan cuaca serta puluhan kamera cuaca.

Muhammad Helmi berkata, selain itu penempatan pegawai di 10 buah pejabat meteorologi bagi memantau serta memberi amaran dari masa ke semasa setiap perkembangan cuaca yang berlaku di negara ini. -- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 61
TARIKH: 31 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

Industri keselamatan siber makin kukuh

Kuala Lumpur: Keselamatan siber antara industri baru dijangka mampu melonjakkan ekonomi negara berdasarkan pengeluaran penyelesaian, pensijilan dan perkhidmatan penilaian diperkenalkan pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity) Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, industri terbabit dijangka lebih kukuh dengan beberapa projek baru di bawah inisiatif Digital Malaysia yang diperkenalkan kerajaan.

"Digital Malaysia menyasarkan peningkatan Pendapatan Negara Kasar (PNK) 17 peratus daripada jumlah keseluruhan keluaran dalam



DR Amirudin

negara kasar (KDNK) yang mampu membuka 180,000 peluang pekerjaan baru menjelang 2020," katanya selepas memperkenalkan Anugerah, Persidangan dan Pameran Cyber Security

Malaysia (CSM-ACE) di Kuala Lumpur, semalam.

CSM-ACE yang bertema Securing Cyberspace for Economic Growth itu berlangsung selama dua hari mulai 13 November di Hotel The Royale Chulan Kuala Lumpur.

Amirudin berkata, program CSM-ACE adalah persidangan tahunan industri itu yang menjadi program inovatif terbesar berkaitan keselamatan maklumat.

"Kami mengalu-alukan sukarelawan dari mana-mana syarikat untuk menyertai aktiviti dan program kami dalam memberi pendidikan mengenai keselamatan siber kepada pengguna Internet," katanya.

Galak pelajar luar bandar tunjuk bakat inovasi

Kuala Lumpur: Pelajar luar bandar perlu digalakkan menyertai pertandingan reka cipta dan inovasi, kerana berpotensi mencipta kejayaan, setanding mereka yang belajar di bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching, berkata langkah itu secara langsung akan mewujudkan persaingan sihat, selain memperkembangkan bidang berkenaan di negara ini.

Beliau berkata, pihak penganjur diharapkan tidak mengabaikan penyertaan sekolah luar bandar dalam sesuatu pertandingan reka cipta dan inovasi.

"Kita percaya, inisiatif menganjurkan pertandingan sebegini dapat memberi peluang dan ruang kepada generasi muda mengetengahkan bakat mereka, sekali gus mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa," katanya selepas penyampaian hadiah program inovasi usahawan muda, 'SME Bank Y-Biz Challenge 2013', di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan SME Bank, Datuk Mohd Radzif Mohd Yunus, dan Pengurus Besar Kanan, Majlis Reka Bentuk Malaysia, Futom Shikh Jaafar.

Pada acara itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Micheal di Penampang, Sabah, melalui produk 'Easy Pouring Set' dipilih sebagai juara dan meraih wang tunai RM20,000 serta tiket penerbangan bernilai RM25,000.

Muslim world has much to offer, says PM

'It's capable of making major contribution for global community'

THE World Islamic Economic Forum (WIEF) has proven that the Muslim world is capable of making a major contribution to the wellbeing of the global community, said Datuk Seri Najib Tun Razak.

According to the Prime Minister, this could be seen in the record attendance at the ninth edition of the annual event which has so far drawn 2,800 participants from 128 countries, as well as 10 heads of state or government.

"The message we want to emanate from this event is that the Muslim world is not about problems and conflicts, but has a lot to offer. Although the basic themes of WIEF are business, economics, trade and developing personal relationships,



RAZAK AHMAD
IN LONDON

the strong attendance shows growing confidence that the Muslim world can contribute positively," Najib said at a press conference after the launch of the 9th WIEF on Tuesday.

Najib said Malaysia was also ready to cooperate with others to further develop Islamic finance as the country has much to offer in terms of expertise and experience.

"We are delighted that British Prime Minister David Cameron has announced the issuance of the sov-

ereign *sukuk* worth about £200mil (RM1.01bil), and that he is committed to seeing the establishment of a *syariah*-compliant index at the London Stock Exchange.

"The key message is that London wants to be one of the hubs for Islamic finance, and Malaysia is ready to work with London to help it develop this sector," said Najib, who also witnessed yesterday the signing of seven Memorandums of Understanding (MoUs) at the sidelines of WIEF worth in excess of US\$720mil (RM2.26bil).

Nanomalaysia Bhd, BaE Systems Plc and ISIS Innovation Ltd signed an MoU valued at US\$21mil (RM65mil) to explore the potential of establishing a technology prototyping and

development centre in Malaysia.

UMLand Bhd and Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd signed an MoU worth US\$12mil (RM36.3mil) related to the purchase of land in the Medini zone in Iskandar Malaysia.

Clixter Mobile, the National Cooperative Organisation of Malaysia, and Hi-P International signed an MoU worth US\$315mil (RM990mil) to develop, manufacture and market Android smartphones with Islamic content and applications.

KFM Holdings Sdn Bhd and Turkish firm YDA Insaat Sanayü Ve Ticaret A.S. signed an MoU for three public-private healthcare partnerships in Turkey with a value of US\$250mil (RM786mil).

An MoU to launch the Allianza University College of Medical Sciences Trent Park campus in London and to exchange related agreements between ACS Trent Park Sdn Bhd and Exim Bank Malaysia worth US\$96mil (RM302mil) was also signed.

Felda Global Ventures Bhd and Cambridge Nanosystems signed an MoU worth US\$26mil (RM82mil) to produce carbon nanotubes and graphene using crude palm oil and palm oil waste.

The Global Coalition for Efficient Logistics and the Islamic Centre for the Development of Trade inked an MoU to solidify the participation by member countries of the Organisation of the Islamic Conference to develop digital economies.

Bullies transferred to other schools >6

Ex-Immigration D-G jailed for graft >14